

11/02/1998

Kos Universiti Multimedia RM600j

KUALA LUMPUR, Selasa - Universiti Multimedia yang dalam proses pembinaan di kawasan seluas 80 hektar di Cyberjaya dijangka menelan belanja RM600 juta.

Ketua Eksekutif Telekom Malaysia, Datuk Mohamed Said Mohamed Ali, berkata peruntukan pembinaan universiti itu sebanyak RM350 juta sebelum ini, tidak mencukupi.

"Sebanyak RM250 juta diperlukan untuk menyediakan kemudahan pembelajaran yang lebih canggih untuk memperlengkapkan lagi kemudahan di universiti berkenaan," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian pembinaan universiti itu di Carcosa Sri Negara, di sini, hari ini.

Pembinaan Universiti Multimedia diuruskan Universiti Telekom Sdn Bhd, anak syarikat Telekom Malaysia menerusi kerjasama Konsortium MEPS Joint Venture dianggotai MKN Holdings Sdn Bhd, Eastbourne Corporation Berhad, Projass Engineering Bhd dan Shorefield Holdings.

Majlis menandatangani perjanjian itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Razak; dan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie.

Pada majlis itu Mohamed Said mewakili Telekom Malaysia, manakala Konsortium MEPS diwakili pengerusinya, Datuk Mustapha Kamal Abu Bakar.

(END)